

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

► Bangkok

Program Inisiatif Pemimpin Muda Hitachi (HYLI) ke-12 di Bangkok, Thailand berjaya mengumpulkan 28 pelajar universiti ASEAN.

Bertemakan 'Perjalanan Masa Depan: Peranan ASEAN dalam Ekonomi Asia dan Global' persidangan yang berlangsung selama lima hari itu turut diwakili empat pelajar Malaysia.

Mereka pelajar ijazah doktor falsafah sains pemakanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Chang Sui Kiat; pelajar Sarjana Kajian Antarabangsa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Khairunnabihah Zainal Abidin; pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Petronas (UTP), Muhammad Nasrullah Annuar dan pelajar Sarjana Rekaan Grafik, Universiti Sains Malaysia (USM), Ng Cheon Yuen.

Indonesia, Filipina, Singapura, Vietnam, Thailand dan Jepun juga masing-masing menghantar empat wakil pelajar terbaik dalam pelbagai bidang untuk menjalani sesi perbincangan, forum, pembentangan dan perkongsian idea serta budaya.

Lontar idea

Muhammad Nasrullah ber-

kata, HYLI 12 banyak memberi peluang suara anak muda untuk melontarkan idea mengenai hala tuju ASEAN dalam usaha mencapai sasaran Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2015.

"HYLI juga menyatupadukan komuniti berbeza latar belakang, faktor persekitaran dan pelbagai pendapat.

"Ini menjadi medan suara anak muda untuk mengetengahkan cadangan memantapkan lagi hala tuju AEC 2015.

"Banyak lagi topik yang dibincangkan. Yang penting semua idea dalam persidangan ini dikongsikan ber-

sama dengan pemimpin ASEAN," kata anak jati Muar, Johor itu.

Antara wakil yang dijemput sepanjang persidangan itu ialah Ketua Pegawai



Peserta HYLI12 sedang **mengadakan perbincangan HYLI12** untuk dibentangkan di Bangkok, baru-baru ini.

Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Noharuddin Nordin; Naib Presiden Eksekutif (Bahagian Kewangan Korporat) 'Public Company Limited' (Thailand), Wirat Uaharumit dan Pengerus Kanan Yamato Asia Pte Ltd yang juga penyelidik di Institute of Policy Studies Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore, Lee Yoong Yoong.



Peserta yang menyertai HYLI12 pada **malam kebudayaan**.

Pandangan peserta Jepun

Pendapat sama dikongsi oleh pelajar dari Jepun, Misato Nagawaka, yang menyifatkan HYLI membuka langkah kepada generasi muda untuk berkongsi idea mengenai hala tuju negara ASEAN mencapai AEC 2015.

"ASEAN mampu mencapai sasaran AEC 2015. Dengan adanya suara anak muda, kami diberi peluang untuk

melontarkan idea serta pandangan mengenai hala tuju negara ASEAN," katanya lagi.

Misato turut melahirkan rasa bangga kerana terpilih menjadi peserta dalam HYLI dan seterusnya menjadi antara 280 alumni HYLI yang diadakan sejak 1996.

Peserta yang ditemui, Rhessa Theodorus Hanani, dari Indonesia tidak me-

nyangka penyertaannya memberi kesan positif dalam diri mereka selain menambah ilmu pengetahuan.

"Apabila diberi peluang bertanyakan soalan bersama tokoh dan pakar setiap bidang yang hadir dalam persidangan ini, saya berasa teruja dan inilah masanya untuk mengambil ilmu daripada mereka," katanya.



Rhessa Theodorus Hanani



Muhammad Nasrullah Annuar